

Jumaat, 17 April 2020 | 2:59pm



Anggota polis membuat pemeriksaan secara rawak terhadap barangan dibawa penghantar makanan bermotosikal. - Foto hiasan NSTP/Rohanis Shukri

## Penghantar makanan perlu jalani saringan kesihatan

Oleh Mohd Anwar Patho Rohman dan Noor Atiqah Sulaiman  
bhnews@bh.com.my

**PUTRAJAYA:** Semua pekerja penghantar makanan yang berkhidmat dengan syarikat e-hailing atau dilakukan secara individu perlu menjalani saringan kesihatan sebelum dibenarkan beroperasi sepanjang bulan Ramadan ketika Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) berkuat kuasa.

Menteri Kanan (Keselamatan), Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob, berkata perkara itu diputuskan hari ini dalam Mesyuarat Khas Menteri-Menteri Mengenai Pelaksanaan PKP.



"Kementerian Pengangkutan (MOT) akan mengeluarkan arahan kepada semua syarikat e-hailing yang beroperasi, manakala bagi restoran makanan segera, Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) akan mengeluarkan arahan sama.

"Bagi kawasan luar bandar dan bandar-bandar kecil iaitu di kawasan syarikat e-hailing tidak beroperasi, pengusaha makanan boleh menggunakan khidmat penghantaran (delivery service) syarikat lain ataupun individu.

"Penghantar makanan (rider di bandar kecil) perlu berdaftar dengan Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) dan mereka juga perlu menjalani saringan kesihatan di Klinik Kesihatan Kerajaan atau klinik swasta berdekatan.

"Syarat yang dikenakan ini bagi memastikan keselamatan semua pihak termasuk pelanggan yang menggunakan perkhidmatan mereka," katanya dalam sidang media hari ini.

<https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2020/04/678247/penghantar-makanan-perlu-jalani-saringan-kesihatan>

